

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [ RAUB ]**

**TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI [ RAUB ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah tindakan Kerajaan Pusat bagi membantu permasalahan air bersih di negeri Pahang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) prihatin akan isu bekalan air yang melanda Negeri Pahang sama ada yang dihadapi oleh pengguna domestik atau pihak industri dan komersial seperti di Kawasan Perindustrian Gebeng dan *Malaysia-China Kuantan Industrial Park* (MCKIP). Oleh itu, antara projek-projek utama bekalan air yang akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu Pahang di bawah RP4(2020), RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan berjumlah RM619 juta terbahagi kepada dua (2) projek iaitu:
  - (a) RM446 juta bagi pembinaan Loji Rawatan Air Semambu Fasa 3 berkapasiti 145 juta liter sehari (JLH); dan

- (b) RM173 juta bagi pembinaan Tangki Imbangan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di daerah Kuantan terutamanya di kawasan Perindustrian Gebeng.
  - (ii) peruntukan sebanyak RM18 juta bagi menaiktaraf Loji Rawatan (LRA) Sg. Bilut, LRA Sg. Semantan dan LRA Sg. Klau di Daerah Raub yang terkesan akibat masalah air yang keruh pada musim hujan;
  - (iii) Program Air Tidak Terhasil (NRW) Kebangsaan di bawah Pendekatan 1 dengan peruntukan sebanyak RM97.2 juta melibatkan:
    - (a) Program NRW Nasional Pendekatan 1 Daerah Pekan; dan
    - (b) Program NRW Nasional Pendekatan 1 Negeri Pahang (Pakej 1 dan Pakej 2).
2. Selain daripada itu, inisiatif penstrukturkan semula industri bekalan air dijangka dapat dimuktamadkan pada suku ke-4 tahun 2020 untuk negeri Pahang.
3. Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) akan mendapat kemudahan pembiayaan daripada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk menaiktaraf dan membina infrastruktur air dalam usaha memberikan perkhidmatan lebih baik kepada para pengguna di negeri Pahang.
4. Pelaksanaan semakan tarif air juga akan meletakkan Pengurusan Air Pahang Berhad dalam keadaan yang lebih selesa untuk memenuhi obligasinya sebagai sebuah syarikat air di negeri Pahang.
5. Dengan langkah-langkah yang disenaraikan ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air dijangka akan dapat menyelesaikan permasalahan bekalan air bersih di negeri Pahang yang sedang dihadapi.

Sekian. Terima kasih.